

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024**  
**N20 SUNGAI BAKAP**

Terima kasih kepada Dato' Speaker Dewan,

Perbahasan saya pada hari ini akan lebih memberi tumpuan terhadap isu dalam pendidikan untuk anak-anak dalam negeri Pulau Pinang. Kita sedia maklum bahawa pendidikan STEM dan TVET merupakan keutamaan kerajaan negeri dalam memacu anak-anak Pulau Pinang yang berdaya saing dan berkompeten. Ianya seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri kita iaitu melahirkan masyarakat madani yang fasih dalam teknologi dan digital seperti penggunaan AI dan pengatur. Saya melihat kerajaan negeri memperuntukkan dana dan sumbangan kepada sekolah-sekolah dan agensi-agensi yang menguruskan STEM dan TVET ini. Isunya di sini adalah masih banyak sekolah-sekolah yang memerlukan dana atau sumbangan ini tidak diberi keutamaan, Contohnya sekolah di kawasan saya yang aktif dalam penghasilan projek-projek STEM dan murid-murid di sekolah itu juga telah menyertai pertandingan STEM sehingga ke peringkat negeri tetapi tidak diberi bantuan atau sumbangan bagi merencanakan kerja buat mereka.

Oleh itu, saya ingin memberi cadangan kepada kerajaan negeri agar mewujudkan "GERAN STEM & TVET ANAK PULAU PINANG" bagi memberi peluang yang sama rata kepada semua institusi pendidikan dalam negeri ini untuk menerima sumbangan atau dana daripada pihak kerajaan negeri. Saya percaya, cadangan saya ini akan disambut baik oleh semua institusi pendidikan kerana peluang untuk memohon dana atau sumbangan ini dijalankan secara terbuka. Kerajaan negeri boleh memperuntukkan dana sejumlah RM100,000.00 setahun dan setiap sekolah yang berminat untuk memohon dana ini boleh menghantar kertas kerja permohonan dana dan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa khas yang akan menilai.

Akhir sekali, saya berharap agar cadangan yang bernas ini dapat dipertimbangkan bagi melahirkan generasi muda yang berfikiran kritikal, berkompeten, berdaya saing dan celik digital.

Serumpun bak serai, sesusun bak sirih perlu diamalkan dalam dewan yang mulia ini. Saya akhiri perbahasan saya dengan kata-kata pujangga, “Hidup memerlukan pengorbananan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan.”

Sekian, terima kasih.

**Khairul Ekmal Bin Roselee**

**N20 Sungai Bakap**

**Sidang Muda 2024**

